

Bishop's Office

Pusat Keuskupan Katolik
290 Jalan Macalister,
10450 Pulau Pinang, Malaysia.

Tel : +604-2292742

Fax : +604-2285671

E-mail : penangdiocese@gmail.com



Diocese of Penang

Perutusan Yang Berbahagia Uskup Sebastian Francis, Diosis/Keuskupan Penang, kepada umat Katolik di Kelantan, Kedah, Perlis, Perak dan Pulau Pinang serta semua umat yang beriman dalam persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum ke-13.

Saya memulakan mesej ini dengan memetik daripada ucapan Bapa Paus Francis ketika pertemuan rasminya dengan para wartawan beberapa hari selepas pelantikan beliau. Beliau telah berkata, “Gereja merupakan suatu institusi kerohanian dan bukannya institusi politik”. Paus juga menambah, “Tiada sesiapa pun yang boleh memahami Gereja tanpa memahami kerohaniannya” dan ‘Kristus adalah pastor Gereja tetapi kehadiran-Nya menerusi kebebasan manusia.”

Bagi saya, ini bermakna bahawa walaupun Gereja tidak melibatkan dirinya dalam parti politik secara langsung, ia mempunyai tugas untuk menyuarakan pendapatnya terhadap semua bidang yang melibatkan kehidupan manusia, termasuk bidang politik. Ia juga bermakna bahawa, Gereja, sebagai umat yang beriman, juga mempunyai hak dan tanggungjawab untuk bersuara demi suatu masyarakat yang adil. Dalam semua tradisi agama, kerohanian terutamanya merupakan suatu hubungan peribadi antara Tuhan dan individu. Walau bagaimanapun, kerohanian juga akan memberi kesan terhadap dimensi kemanusiaan, sosial, politik, ekonomi dan agama seseorang. Maka, ini merupakan suatu hak yang diberikan oleh Tuhan bukan sahaja kepada institusi-institusi, bahkan juga kepada setiap insan.

Gereja mesti bertindak dan melindungi hak ini yang memberi kebebasan suara hati, kebebasan untuk bersuara dan kebebasan beragama. Kebebasan suara hati yang dibentuk oleh ajaran ilahi, kebebasan untuk bersuara dan kebebasan beragama adalah anugerah-anugerah terulung yang diberi oleh Tuhan sendiri dan inilah sebabnya mengapa semua orang boleh dan mesti bersuara.

Dan mengapakah Gereja harus bersuara demi sebuah masyarakat yang adil? Sekali lagi saya memetik Paus Francis. Dalam khutbah beliau pada Misa sulungnya, Paus Francis berkata bahawa Gereja mesti menyeru dan “memeluk terutamanya mereka yang miskin, yang paling lemah dan yang kurang penting...” Gereja berbuat demikian, sebab Gereja mewakili Yesus Kristus di dunia ini.

Pilihan Raya Umum ke-13 yang akan datang adalah kritikal dan penting bagi pertumbuhan struktur demokratik di Malaysia. Pilihan raya umum pada 2008 dan 5 tahun kemudiannya, telah menunjukkan kita betapa pentingnya untuk mengadakan pelbagai pilihan yang boleh berfungsi sebagai sekatan dan imbalan.

Pada beberapa tahun kebelakangan ini, juga baru-baru ini, ramai rakyat telah menerima banyak hadiah dan wang daripada kerajaan sekarang di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat Negeri. Silalah jalankan tanggungjawab dan kebebasan suara hati anda

sebagaimana dibentuk oleh ajaran ilahi yang melampaui kemanfaatan kewangan, ekonomi dan sosial yang ditawarkan kepada anda. Dari itu, saya menyeru semua kumpulan, pergerakan dan organisasi, sama ada politik, sosial dan agama untuk bersuara demi suatu pilihanraya yang bebas, adil dan saksama.

Kita juga mesti berdoa secara serius bagi negara kita pada masa yang penting ini. Saya juga berdoa agar Tuhan memberi kita sebuah kerajaan yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin politik yang bersifat adil, jujur dan amanah. Saya merujuk kepada surat pekeliling yang telah dikeluarkan oleh Persekutuan Kristian Malaysia (CFM) bertarikh 18hb Julai, 2012, yang bertajuk 'UNDILAH DENGAN BIJAKSANA, UNDILAH UNTUK MALAYSIA YANG LEBIH SEMPURNA'

'Kami merayu kepada semua orang Kristian supaya berpegang teguh, bahawa dalam pelaksanaan kepimpinan dan pengawasan kita dengan mematuhi Firman Tuhan, bahawa dalam melakukan tugas kita terhadap pembangunan negara, untuk mengundi serta memanjatkan doa demi kesejahteraan negara; sebelum, semasa dan selepas pilihanraya.

Oleh yang demikian, undi anda bukan sahaja rahsia tetapi juga murni. Jaminan kerahsiaan undi anda bermakna bahawa tidak ada kuasa manusia yang boleh memanipulasikannya atas alasan-alasan apapun. Atas sebab inilah, Suruhanjaya Pilihan Raya mempunyai tanggungjawab yang sah dan murni untuk memastikan bahawa pilihanraya yang akan datang itu bebas dan dijalankan dengan jujur dan bertanggungjawab. Kemurnian undi itu, walau bagaimanapun, juga menjadi tanggungjawab seluruh umat yang beriman sebagai individu berdasarkan kebebasan suara hati yang merupakan suatu hak yang diberikan oleh Tuhan.

Sebagai kesimpulan, Pilihan Raya Umum ke-13 merupakan titik kritikal dalam sejarah negara kita ini. Gereja mesti berusaha dan hidup berpandukan kepada suatu kerohanian yang melayani semua manusia. Seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Vatican II, *Gaudium et Spes*:

“ Oleh hukum manusiawi mana pun juga martabat peribadi dan kebebasan manusia tidak dapat dijamin keutuhannya sedemikian baik seperti oleh Injil Kristus, yang dipercayakan kepada Gereja. Sebab Injil itu memaklumkan danewartakan kebebasan anak-anak Tuhan, menolak setiap perbudakan yang pada dasarnya bersumber pada dosa, menghormati dengan sungguh-sungguh martabat suara hati beserta keputusannya yang bebas... ”

(Konstitusi Pastoral “*Gaudium et Spes*” tentang Gereja dalam Dunia Modern, 41)

Dengan hasrat Rahmat dan Kebenaran,



Rt. Rev. Sebastian Francis
Keuskupan Penang
7hb April 2013